

UMS hasil filem cereka epik tempatan

um 28/09/2011 30

KOTA KINABALU 27 Sept. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Pengajian Seni (SPS) akan menghasilkan sebuah filem cereka epik berdasarkan kepada sejarah tempatan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman



Ampon (**gambar**) berkata, dalam merealisasikan perkara itu, pihaknya akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat produksi tempatan.

“Jika berjaya direalisasikan saya yakin UMS melalui SPS akan memberi anjakan baru dalam membangunkan industri perfileman di Sabah,” katanya ketika berucap pada Hari Seniman 2011 di Dewan Resital UMS di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Bolkiah Ismail dan bekas Presiden Persatuan Seniman Malaysia, Datuk Ismail Hutson.

Menurut Kamaruzaman, kerjasama tersebut akan menumpukan kepada usaha menghasilkan kerja penyelidikan, penulisan skrip dan mencari dana.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, UMS sentiasa menyokong aktiviti berkaitan industri kreatif seperti industri perfileman di negeri itu.

Jelasnya, kini SPS yang mempunyai pelbagai kemudahan produksi perfileman canggih sering bekerjasama dengan dengan syarikat produksi luar.